

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

Pendahuluan

Bab ini menghuraikan hasil dapatan kajian melalui tiga fasa, sebagaimana fasa kajian ini dijalankan. Fasa 1 menjelaskan soalan kajian 1 dan 2, fasa 2 menjelaskan soalan kajian 3 dan 4, manakala fasa 3 menjelaskan soalan kajian 5 dan 6. Pendekatan berfasa ini dilakukan kerana kajian ini dijalankan dalam tiga fasa, iaitu (1) fasa analisis keperluan, (2) fasa pembangunan dan (3) fasa pelaksanaan dan penilaian.

Dapatan Kajian Fasa 1: Fasa Analisis Keperluan

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian dalam fasa analisis keperluan. Dapatan kajian fasa ini melibatkan dua aspek, iaitu (1) amalan pengajaran guru Bahasa Melayu dan (2) masalah pengajaran dan pembelajaran BM dan cadangan guru dan pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran BM di bilik darjah Tingkatan Empat.

Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Di Bilik Darjah

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian 1, iaitu '**Apakah amalan pengajaran guru Bahasa Melayu di bilik darjah Tingkatan Empat?** Bagi menjawab soalan kajian ini, pengkaji membahagikan bahagian ini kepada tiga dimensi atau tema, iaitu (1) persepsi guru terhadap konsep pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu, (2) strategi pengajaran yang diaplikasikan oleh guru, dan (3) kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru di bilik darjah. Data daripada soalan kajian ini digunakan sebagai panduan untuk membangunkan modul ini.

Persepsi guru terhadap konsep pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu.

Data temu bual mendapati guru mata pelajaran, malah guru panitia dan guru kanan bahasa kurang faham dengan konsep integrasi pendidikan Bahasa Melayu. Cikgu Hana, misalnya menjelaskan bahawa konsep pendidikan bersepadu sebagai “kemahiran berfikir kreatif dan kritis” semata-mata (TT1G4_31/3, baris 87-89). Malah, apabila ditanya sama ada beliau pernah melaksanakannya dalam proses pengajaran, dengan ragu-ragu beliau menyatakan bahawa konsep integrasi bahasa Melayu sebagai “*kemahiran berfikir, mencari fakta, kemahiran analisis fakta*” (TT1G4_31/3, baris 104-107). Kekaburan beliau tentang konsep integrasi ini juga jelas dalam kenyataannya di bawah:

Penyelidik: Kalau kemahiran bahasa, kemahiran apa yang digabungkan tadi cikgu?

Cikgu Hana: Kemahiran membaca, membina ayat pun ada, gugurkan perkataan.

(TT1G4_31/3, baris 108-110)

Cikgu Ezzah pula langsung tidak memahami konsep pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu. Data temu bual menunjukkan bahawa guru yang mengajar BM selama 15 tahun ini masih tercari-cari akan maksud bersepadu tersebut. Beliau menyatakan bahawa pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu bermaksud:

Itulahkan, menggabungjalinkan... penyerapankan... apabila pelajar itu boleh jawab soalan itu, oklahkan.

(TT1G1_5/11, baris 46-50)

Malah, beliau mengandaikan bahawa konsep menggabungjalinkan sebagai merentas kurikulum. Katanya:

Kadang-kadang kita sebut merentas kurikulum.

(TT1G1_5/11, baris 55-57)

Kekaburan tentang kehendak matlamat pendidikan Bahasa Melayu secara bersepadu ini mungkin disebabkan guru tersebut tidak mengajar Bahasa Melayu dalam tempoh yang lama. Seperti kata Cikgu Ayun, beliau kurang faham tentang konsep integrasi Bahasa Melayu kerana beliau sudah lama tidak mengajar Bahasa Melayu.

Katanya:

Kalau dari aspek bahasa, ya, ini pengalaman saya mengajar dulu, sebab saya ini sudah lama tinggal BM encik.

(TT1GK_5/4, baris 32-36)

Begitu juga dengan guru panitia Bahasa Melayu. Beliau tidak jelas tentang kehendak matlamat pendidikan Bahasa Melayu. Beliau menyatakan bahawa pengajaran Bahasa Melayu hanya melibatkan aktiviti pengajaran “*karangan, rumusan, tatabahasa, pemahaman, KOMSAS, dan nilai-nilai murni*”, sedangkan matlamat pengajaran Bahasa Melayu adalah lebih luas daripada itu. Beliau juga menekankan bahawa semua aspek tersebut perlu diberi perhatian dalam pengajaran Bahasa Melayu (TT2GP_5/4, baris 52-55). Walau bagaimanapun, apabila ditanya sama ada beliau pernah menjalankan aktiviti penggabungan dan penyerapan, beliau mengakui ada menjalankan pendekatan bersepadu dalam pengajarannya. Akan tetapi, perkara tersebut berlaku secara tidak langsung. Katanya:

Semua campur-campur. Saya rasa saya ada jalankan. Akan tetapi, saya tidak sedarkan. Tidak perasan. Saya mungkin tidak labelkan tetapi mungkin ada. Kita campur-campur semua tu.

(TT1GP_6/11, baris 34-38)

Strategi pengajaran yang dilaksanakan guru.

Data catatan lapangan pemerhatian, temu bual separa berstruktur dan bukti dokumen yang dikumpulkan semasa kajian analisis keperluan dijalankan terhadap guru-

guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat di sekolah kajian mendapati pendekatan dan strategi pengajaran Bahasa Melayu yang diamalkan oleh guru melibatkan enam kategori utama, iaitu bersifat fragmentasi, berpusatkan guru, memberi penekanan kepada aktiviti menghabiskan sukatan, berorientasikan peperiksaan, dan memberi penekanan kepada hasilan.

Pengajaran bahasa secara fragmentasi.

Dokumen guru menunjukkan bahawa guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat sekolah yang dikaji mengamalkan amalan pengajaran secara fragmentasi. Amalan ini melibatkan proses memisah-misahkan antara satu kemahiran bahasa dengan kemahiran bahasa yang lain. Sebagai contoh, Rancangan Pelajaran Mingguan (RPM) Cikgu Rozila memperlihatkan fenomena ini kerana rancangan pelajarannya disusun secara terpisah bagi setiap sesi pelajaran. Misalnya, pada 22 Mac 2010, topik bagi pelajaran rumusan ialah “Langkah-langkah Mengurangkan Wabak Denggi, manakala pada 23 Mac 2010 “Influenza H1N1” dipilih sebagai tema pengajaran karangan. Pada hari pemerhatian dilakukan, iaitu pada 24 Mac 2010, sajak “*Harga Remaja*” dipilih pula sebagai bahan pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa susunan pelajaran guru tidak menampakkan wujudnya satu tema atau ikatan yang kukuh antara satu pelajaran dengan pelajaran yang lain. Amalan fragmentasi ini diakui oleh guru. Cikgu Rozila, misalnya menyatakan bahawa perkara ini memang berlaku kerana kekangan untuk menghabiskan sukatan. Katanya:

Penyelidik: Ini bermakna ia tiada pertalian atau hubungan dengan topik lain seperti pemahaman, penulisan dan sebagainya?

Cikgu Rozila: Ya, kerana nak menghabiskan sukatan KOMSAS adalah susah dan mengambil masa yang lama lebih kurang setahun. Dalamnya pula, terkandung puisi, drama, prosa tradisional, cerpen.

(TT1G2_5/4: baris 33-37)

Temu bual Cikgu Mimah juga menunjukkan bahawa amalan fragmentasi ini merupakan satu amalan bagi guru menyampaikan pengajaran di bilik darjah. Cikgu Mimah, misalnya mengatakan bahawa beliau mengajar rumusan yang bertajuk ‘Tanda-tanda Penagihan Dadah’ tanpa terikat dengan tema pelajaran pada minggu tersebut. Kenyataan Cikgu Mimah menjelaskan fenomena ini.

Penyelidik: Tetapi, tema minggu itu bukan tentang penagih dadahkan?

Cikgu Mimah: Bukan. ‘Target’ saya hari itu (adalah) hendak memperkenalkan pelajar ‘formatting’ sahaja.

(TT1G3_30/3, baris 72-74)

Pandangan Cikgu Mimah ini disokong oleh pelajarinya yang mengatakan bahawa cikgu ini mengamalkan pendekatan fragmentasi ini, khususnya dalam pengajaran tatabahasa (TT1KFP5_5/4, baris 133-134). Sekumpulan pelajar juga turut menyatakan bahawa pengajaran guru tidak dihubungkan oleh satu tema tertentu.

Contoh komen pelajar:

Penyelidik: Selalunya antara semua mata pelajaran itu dalam seminggu, ada tidak pelajaran tersebut mempunyai kaitan dari segi temanya?

Pelajar: Tak ada.

Penyelidik: Maknanya tatabahasa tiada kaitan dengan rumusan, rumusan tiada kaitan dengan karangan.

(TT1KFP2_7/4, baris 29-33)

Lagipun, menurut Cikgu Rozila, guru tidak perlu mengajar secara bertema kerana pengajaran KOMSAS ada temanya sendiri. Katanya:

KOMSAS mengandungi 35 markah dalam SPM kertas 2. Kami tidak boleh lari daripada sukatan. Tidak boleh (guna) tema lain kerana ada sukatan yang ditetapkan. Hanya (aktiviti) pemahaman, rumusan dan sebagainya sahaja boleh guna tema lain kerana skop ia bebas.

(TT1G2_5/4, baris 40-44)

Amalan fragmentasi ini dilihat berlaku secara menyeluruh di sekolah ini. Pelajar 4P4, misalnya juga menyentuh isu ini. Kata mereka “kalau ajar karangan, ajar karangan sahajalah, kalau ajar tatabahasa, tentang bina ayatlah. (Kedua-duanya) tidak ada kaitan.” (TT2KFP4_30/10, baris 23-27). Amalan ini jelas terlihat dalam susunan jadual pengajaran Bahasa Melayu yang dilaksanakan di sekolah ini. Pelajar 4P6 (Ain) menjelaskan bahasa jadual pengajaran BM di sekolah ini disusun terpisah berdasarkan keperluan peperiksaan. Contohnya:

Penyelidik: Macam mana cikgu menyusun pengajaran Bahasa Melayu?
Ain: Isnin, tatabahasa, Khamis, rumusan, Jumaat, KOMSAS. Semua dua waktu.
Penyelidik: Adakah cikgu mengajar Bahasa Melayu bagi ketiga-tiga hari itu berdasarkan isu atau tema yang sama?
Ain: Lain-lain. Lain kemahiran lain temanya.

(TT1KFP6_30/10, baris 29-32)

Salah satu lagi amalan fragmentasi yang berlaku di sekolah ini ialah pengajaran tatabahasa diajar secara terpisah dengan kemahiran bahasa yang lain. Jelasnya pengajaran tatabahasa tidak digunakan sebagai kemahiran sokongan terhadap kemahiran lain seperti kemahiran bertutur atau kemahiran menulis. Hal ini menunjukkan bahawa pengajaran tatabahasa berdiri sendiri dan ini bertentangan dengan kehendak objektif pendidikan Bahasa Melayu. Contohnya:

Penyelidik: Adakah kemahiran tatabahasa itu membantu anda menguasai kemahiran berbahasa yang lain? Contohnya, ayat tanya bagi membantu kita menulis wawancara?
PelajarP2: Belum lagi.
Penyelidik: Setakat ini cikgu ajar tatabahasa hanya untuk tatabahasa sahajalah dan berasingan dengan kemahiran bahasa lain seperti kemahiran menulis?
PelajarP2: Dia khaskanlah (mengajar) tatabahasa.

(TT1KFP2_7/4, baris 209-216)

Berdasarkan contoh di atas jelas bahawa pengajaran guru Bahasa Melayu bersifat fragmentasi dan berlawanan dengan matlamat pendidikan Bahasa Melayu yang menuntut agar pengajaran bahasa diajar secara berkait dan bertema.

Pengajaran bahasa berpusatkan guru.

Catatan lapangan menunjukkan bahawa guru mendominasi proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Cikgu Ezzah, misalnya tidak memberi peluang kepada pelajarannya memberi pandangan terhadap isi karangan yang dibentangkan oleh pelajar lain. Secara keseluruhannya, beliau mendominasi aktiviti perbincangan yang dijalankan di bilik darjah. Catatan lapangan menunjukkan bahawa hampir semua sesi perbincangan dikuasai oleh guru (CLLP1G1_29/10, hlm. 3). Guru menyatakan bahawa beliau mendominasi aktiviti tersebut adalah untuk ‘mendalamkan isi’ agar pelajarannya tidak menggunakan isi ‘yang cacamarba’. Akan tetapi, pelajarannya menyatakan bahawa pendekatan guru ini tidak menyeronok dan membosankan kerana mereka tidak berpeluang mencari isi sendiri. Contohnya:

Penyelidik: Apa perasaan anda apabila belajar macam itu?

Naim: Kurang menyeronokkan.

Penyelidik: Apa cadangan Naim?

Naim: Sepatutnya kita cari sendiri maklumat itu.

(TT2KFP4_30/10, baris 39-42)

Data temu bual guru yang berikut juga menjelaskan bahawa guru memainkan peranan penting dalam memberikan maklumat kepada pelajarannya. Hal ini demikian kerana guru tersebut bimbang jawapan yang diberikan oleh pelajarannya tidak selaras dengan skema jawapan peperiksaan sebenar. Keadaan ini dapat dilihat melalui data temu bual Cikgu Rozila:

Penyelidik: Satu lagi, macam sajak, bolehkah kita beri peluang kepada pelajar untuk memberi sendiri maksud. Kadang-kadang jawapan tidak sama dengan jawapan buku, bolehkah?

Cikgu Rozila: Macam ini, bila kita periksa kertas (jawapan pelajar), jika(jawapan mereka) tidak sama dengan skema, tidak ada markah.

Penyelidik: Maknanya perlu sama dengan skemalah? Bolehkah pelajar bagi tafsiran lain?

Cikgu Rozila: Tidak, kita takut itulah, pelajar bukan tidak menjawab tetapi jawapan (mereka) tidak ada dalam skema. Sebab itu, dari awal lagi kita bagi skema yang betul kepada pelajar. Biar mereka hafal tidak apa. Daripada pelajar bagi jawapan tidak betul, baik kita bagi jawapan betul.

(TT1G2_5/4, 109-119)

Penguasaan guru dalam memberi maklumat dilakukan kerana menurut Cikgu Rozila, beliau bimbang pelajarinya akan memberikan jawapan yang tidak tepat dan boleh menyebabkan mereka gagal dalam peperiksaan. Katanya:

Pelajar boleh mentafsir, tetapi kita kena betulkanlah. Apabila ujian rasmi 1, apabila soalan pemahaman, pelajar jawab ikut kemampuan mereka, dalam skema lainkan, (nanti) pelajar ramai gagal.

(TT1G2_5/4, baris 120-123)

Perkara ini diakui oleh pelajar 4P2. Mereka mengatakan bahawa mereka memang kurang memberi idea sewaktu perbincangan kerana selalunya gurulah yang memberikan bahan dan skema jawapan. Data yang berikut menjelaskan kekerapan pelajar memberi idea ketika berlakunya perbincangan dalam kelas. Kata mereka:

Kurang. Sebabnya kami tidak boleh berfikir sendiri lagipun bahan semua cikgu sudah bagikan.

(TT1KFP2_7/4, baris 64-65)

Begitu juga dalam proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa. Semasa menyampaikan pelajaran, guru mendominasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Cikgu Rozila, misalnya menguasai sepenuhnya proses pengajaran dan

pembelajaran, khususnya aktiviti membincangkan maksud setiap rangkap sajak “Harga Remaja”. Catatan lapangan menunjukkan beliau bukan sahaja tidak memberi peluang kepada pelajaranya untuk mencari maksud rangkap sajak tersebut, malah beliau tidak memberi peluang kepada pelajar mendefinisikan maksud remaja itu sendiri. Contohnya:

Ok, pada peringkat zaman remaja ini kamu mengalami krisis dalaman antara perubahan zaman kanak-kanak ke zaman dewasa. Masa ini kamu mengalami krisis, krisis emosi, krisis dalaman maknanya (zaman kamu zaman) yang paling banyak cabaran dan pancaroba. Jadi kita tengok di sini apakah masa remaja itu .

(CLLP1G2_24/3, hlm. 3).

Strategi pengajaran ini juga diamalkan oleh Cikgu Mimah. Beliau, misalnya tidak memberi peluang kepada pelajaranya membuat inferens terhadap tanda-tanda ayat pasif dan ayat aktif yang dipelajari. Catatan lapangan menunjukkan bahawa guru tidak menguji dan memanfaatkan pengetahuan pelajar untuk menjelaskan konsep ayat pasif berdasarkan pengetahuan pelajar itu sendiri. Data catatan lapangan di bawah menunjukkan penguasaan guru terhadap aktiviti ini. Contohnya:

Senang saja. Saya hendak terangkan pada awak pada tahap Tingkatan Empat sahaja. Jangan pergi jauh, jangan pergi lepas dari SPM. (Apabila)(awak) (ter)jumpa ayat yang ada penggunaan ‘di’ dan ‘oleh’, ataupun ‘di’ sahaja dan ‘ter’ dan ‘oleh’, (itu) adalah ayat pasif.

(CLLP2G3_7/4, hlm. 2)

Amalan menghabiskan sukatan pelajaran.

Guru menjelaskan bahawa fokus utama pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah adalah untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Daripada pemerhatian yang dilakukan terhadap Cikgu Rozila, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa antara penekanan utama yang diberikan oleh guru BM ini ialah amalan menghabiskan sukatan

tanpa mengambil kira kebolehan dan minat pelajar. Kenyataan yang berikut menggambarkan dengan jelas sikap Cikgu Rozila terhadap tugasnya sebagai guru:

Bahan (pembelajaran yang saya gunakan) adalah mengikut sukatan pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat. Kena habiskan sukatan pelajaran dalam buku teks dan tidak melalui pencarian sendiri.

(TT1G2_5/4, baris 31-32)

Menurut beliau lagi, sukatan KOMSAS perlu dihabiskan bagi membantu pelajar menjawab peperiksaan dengan baik. Katanya:

Yang itu semua kena ajar. Pelajar semua kena tahu. Nanti kalau tidak ambil tahu atau faham, macam mana nak jawab soalan pemahaman.

(TT1G2_5/4, baris 78-79)

Namun, daripada temu bual pelajar, keadaan sebaliknya berlaku. Pelajar menjelaskan bahawa mereka tidak menyukai strategi yang diamalkan oleh guru ini kerana mereka berpendapat bahawa strategi menghabiskan sukatan semata-mata tidak menyeronokkan. Kenyataan pelajar 4P2 menjelaskan maksud tersebut.

Penyelidik: Apa keutamaan anda dalam belajar, habiskan sukatan atau seronok belajar?

Akmal, Cynthy, Haziq, dan Hanis: Seronok belajar.

Penyelidik: Kalau cikgu sibuk nak habiskan sukatan, seronok tidak?

Pelajar P2: Tidak.

(TT1KFP2_7/4, baris 119-112)

Akan tetapi, bagi guru, strategi menghabiskan sukatan ini penting kerana sukatan pelajaran KOMSAS sangat luas dan perlu dihabiskan sebelum pelajar melangkah ke tingkatan yang lebih tinggi. Contoh:

Penyelidik: Adakah kemahiran diperlukan?

Cikgu Rozila: Ya, tapi apa-apa pun sukatan mesti dihabiskan kerana sukatan pelajaran Tingkatan Empat adalah berbeza dengan Tingkatan Lima. Novel ada dua, iaitu untuk Tingkatan Empat dan juga Tingkatan Lima. Dan ia memang berat. Guru ini mengakui dengan adanya

subjek KOMSAS sukatan bahasa Malaysia agak huru-hara.

(TT1G2_5/4, baris 44-50)

Tambahan pula, Cikgu Rozila berpendapat, persepsi guru terhadap KOMSAS telah berubah, iaitu bukan lagi sebagai bahan bantu pengajaran dan pembelajaran, tetapi berfungsi sebagai suatu subjek yang wajar diajar dan ada sukatanya sendiri. Malah, menurut guru ini lagi, sukatan pelajarannya perlu dihabiskan bagi membantu pelajar untuk menghadapi peperiksaan. Tegas Cikgu Rozila:

Ya, dulu guru-guru mengambil KOMSAS sebagai bahan mengajar untuk pemahaman dan sekarang (KOMSAS) ialah suatu sukatan yang mesti dihabiskan oleh para pelajar dan ini terbukti apabila soalan KOMSAS keluar pada peperiksaan SPM. Sebagai contoh, kedua-dua novel yang dibaca akan keluar dalam peperiksaan.

(TT1G2_5/4, baris 53-56)

Pengajaran bahasa berorientasikan peperiksaan.

Catatan pemerhatian terhadap dua guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat mendapati pengajaran tatabahasa tidak diajar dalam konteks yang penggunaan yang sebenar. Kedua-dua, cikgu Rozila dan Cikgu Mimah hanya memberi penekanan kepada aspek ‘membetul dan membina ayat’ sejajar dengan kehendak peperiksaan SPM. Cikgu Rozila, misalnya menjelaskan bahawa beliau memberi penekanan kepada kemahiran membina dan membetulkan ayat semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Menurutnya, strategi pengajaran ini dilakukan kerana dalam peperiksaan SPM, kemahiran membina dan membetulkan kesalahan ayat merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar. Katanya:

Sebab dalam SPM pun, ada bahagian untuk tatabahasa 30 markahkan. Ada lima bahagian. Bahagian A membina ayat. Jadi, kita kena ajar pelajar membina ayat. Yang kedua, macam kesalahan, ejaan dengan kesalahan imbuhan. Kemudian bagi latihan, ayat yang salah, kemudian suruh pelajar cari kesalahan ejaan dan sebagainya. Bagi imbuhan, dia baca dan betulkan mana-mana ayat yang gunakan imbuhan yang salah.

(TT1G2_5/4, baris 145-151)

Cikgu Rozila juga menyatakan bahawa aktiviti pengajaran tatabahasa yang dijalankannya hanya memberi penekanan kepada kehendak soalan peperiksaan dan tidak mengambil kira konteks penggunaan yang sebenar. Katanya:

Penyelidik: Biasanya ayat aktif ayat pasif ini (diajar) dalam konteks?

Cikgu Rozila: Dia merujuk kepada (cara) menjawab soalan.

(TT2G2_5/4, baris 103-105)

Data temu bual pelajar Cikgu Rozila (4P2) juga menunjukkan bahawa penekanan guru dalam pengajaran tatabahasa memang untuk menjawab soalan peperiksaan. Mereka menjelaskan bahawa fokus pengajaran guru adalah untuk tujuan tersebut. Data ini menunjukkan situasi ini.

Penyelidik: Apa guna kita belajar tatabahasa selalunya?

Pelajar 5: Menjawab soalan.

Penyelidik: Fokus pengajaran tatabahasa selalunya?

Pelajar 5: Peperiksaanlah.

(TT2KFP2_30/4, baris 94-97)

Selain itu, catatan pemerhatian Cikgu Mimah juga menunjukkan bahawa pengajaran tatabahasa guru ini berfokuskan kepada persediaan pelajar untuk menghadapi peperiksaan. Catatan pemerhatian memperlihatkan hampir semua fasa pengajaran guru adalah untuk membimbing pelajar menguasai konsep ayat pasif dan ayat songsang untuk persediaan peperiksaan (CLLP2G3_7/4). Fenomena ini menjadi amalan guru kerana menurut Cikgu Mimah, pengetahuan terhadap ayat pasif dan ayat

songsang ada diaju dalam peperiksaan SPM dan melibatkan markah yang agak banyak. Contohnya:

- Penyelidik: Apakah fokus pengajaran tatabahasa pada hari itu?*
Cikgu Mimah: Fokus pengajaran saya, saya mahu pelajar saya dapat membina ayat pasif dan ayat songsang dan dapat membezakan jenis ayat tersebut.
- Penyelidik: Cikgu rasa selain tahu membezakan dua jenis ayat itu, apakah tujuan pelajar belajar tatabahasa hari itu?*
Cikgu Mimah: Tujuan saya mengajar ayat pasif dan ayat aktif hari tu supaya pelajar saya boleh bina ayat dengan betul sebab dalam SPM ada 6 soalan (yang) pelajar kena bina ayat.

(TT2G3_3/4, baris 90-96)

Data temu bual Cikgu Ezzah juga mendapati amalan pengajaran tatabahasa yang memberi fokus kepada persediaan pelajar untuk menghadapi peperiksaan turut dikongsi oleh Cikgu Ezzah. Beliau menyatakan bahawa beliau juga memberi penekanan kepada latihan menjawab soalan peperiksaan SPM. Katanya:

Saya lebih kepada soalanlahkan. Selalunya saya ambil soalan latihan yang biasa ditanya dalam peperiksaan. Contohnya bina ayatkan (dan) kesalahan ayat.

(TT1G1_5/11, baris 111-113)

Selain pengajaran aspek tatabahasa, pengajaran rumusan juga berfokus kepada peperiksaan. Catatan pemerhatian yang dijalankan terhadap Cikgu Hana mendapati fokus pengajaran rumusan beliau adalah untuk membimbing pelajarnya mendapat markah yang baik dalam peperiksaan. Contoh:

Kamu kena ubah sedikit ayat itu. Jangan salin bulat-bulat sebab nanti kamu tidak mendapat markah penuh.

(CLL1G4_30/4, hlm. 4)

Begitu juga dengan Cikgu Rozila, beliau tidak memberi peluang kepada proses percambahan idea pelajar khususnya dari aspek menyatakan tema bahan sastera yang dibaca kerana menurutnya pelajar hendaklah menggunakan tema yang standard atau skema yang ditentukan oleh sukatan pelajaran. Katanya:

KOMSAS mengandungi 35 markah dalam SPM kertas 2. (Anda) tidak boleh lari daripada sukatan. (Anda juga) tidak boleh (memasukkan) tema sendiri kerana ada sukatan yang ditetapkan. (Anda) hanya boleh (masukkan) tema pada topik pemahaman, rumusan dan sebagainya kerana skop ia bebas.

(TT1G2_5/4, baris 39-42)

Ini dapat dibuktikan melalui RPH Cikgu Rozila dan Cikgu Ezzah (Lampiran I). Catatan dalam RPH mereka menunjukkan bahawa objektif pelajaran Cikgu Rozila ialah ‘menukarkan ayat aktif kepada ayat pasif’ (DGG2_RPH_15/4), manakala objektif pelajaran Cikgu Ezzah pula ialah ‘menulis karangan berdasarkan kehendak soalan peperiksaan, iaitu 350 patah perkataan’ (CLLP1G1_29/10, baris 4). Berdasarkan kedua-dua objektif pelajaran di atas jelas bahawa fokus pengajaran guru ialah berorientasikan peperiksaan dan bukannya membantu pelajar menguasai kecekapan berbahasa.

Akan tetapi, penekanan yang berlebihan kepada peperiksaan memberi implikasi kepada minat pelajar. Dapatan temu bual mendapati pelajar bosan dan tidak seronok ketika mengikuti kelas seperti ini. Dapatan temu bual pelajar membuktikan bahawa mereka tidak gembira dengan pendekatan guru ini. Kata mereka, Cikgu Rozila “selalu sangat” menyebut kata-kata keramat ini, iaitu “*Anda kena faham ini, anda kena belajar ini, ini masuk peperiksaan*”. Ini menyebabkan mereka ‘bosan dan kadang-kadang tertekan’ (TT1KFP2_7/4, baris 117).

Mengutamakan hasil berbanding proses pembelajaran.

Data pemerhatian mendapati tumpuan utama pengajaran guru ialah menitikberatkan hasil pembelajaran dan bukannya proses pembelajaran. Cikgu Mimah, misalnya mengaitkan pengajaran rumusan dengan masa yang ditetapkan bagi menjawab peperiksaan. Katanya:

Ok, untuk rumusan, kita cuba habiskan rumusan ini sebelum 8.45 ya sebab dalam kertas Bahasa Melayu 2 ada masa (yang ditetapkan)kan, dalam masa 35 minit kita masih boleh habiskan rumusan ini.

(CLLP1G3_26/3, hlm. 1)

Dalam pengajaran karangan, Cikgu Ezzah, misalnya turut menekankan kepada hasil karangan yang panjangnya 350 patah perkataan (CLLP1G1_29/10, hlm. 4). Begitu juga dengan pengajaran rumusan. Bukti dokumen dan catatan pemerhatian guru menunjukkan bahawa guru menekankan kepada bilangan isi tersurat dan tersirat yang terdapat dalam teks. Cikgu Mimah, misalnya mencatatkan objektif pelajarannya adalah untuk ‘mencari 8 isi tersurat dan 2 isi tersirat’ (DGG3_RPH_26/3). Pendekatan ini juga diamalkan oleh Cikgu Hana ketika beliau mengajarkan rumusan. RPH beliau juga mencatatkan bahawa objektif pelajaran rumusan adalah untuk ‘menyiapkan rumusan dengan isi tersurat dan tersirat yang lengkap dan panjangnya 120 patah perkataan’ (DGG4_RPH_30/3).

Menekankan kemahiran menulis.

Data temu bual turut memperlihatkan bahawa kemahiran lisan kurang diberi penekanan oleh guru berbanding dengan kemahiran menulis kerana kesuntukan masa dan sukar untuk membuat penilaian pengajaran. Data temu bual Cikgu Rozila menjelaskan keadaan tersebut.

Penyelidik: Adakah pengajaran tidak (memberi) fokus pada (kemahiran) lisan?

Cikgu Rozila: Hendak fokus (pada kemahiran) lisan pun, tidak cukup sangat masa dalam kelas.

Penyelidik: Adakah (pengajaran cikgu) lebih fokus pada isi kandungan (sahaja)?

Cikgu Rozila: Kita sebenarnya lebih fokus kepada kemahiran menulis. Kemahiran bertutur sedikit sahaja. Kalau kemahiran menulis, kita boleh semak kerja mereka. (Akan) tetapi kalau kemahiran bertutur, sekali p&p

hendak buat berapa pelajar, pelajar pula tidak berapa aktif dalam perbincangan.

(TT1G2_5/4, baris 132-139)

Pandangan guru ini dikongsi oleh kumpulan pelajar ini. Mereka (pelajar 4P5) menyatakan bahawa guru memang jarang menekankan kemahiran lisan dalam proses pengajaran dan pembelajaran selain kemahiran menulis dan membaca sahaja.

Contohnya:

Penyelidik: Latihan pertuturan, maksud saya, ada atau tidak difokuskan (guru)?

Pelajar 4: Tidak ada.

(TT2KFP5_30/4, baris 398-399)

Menekankan kemahiran intelek.

Catatan pemerhatian mendapati kesemua proses pengajaran dan pembelajaran guru tidak memberi penekanan yang seimbang terhadap potensi diri pelajar, iaitu aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Cikgu Rozila, misalnya hanya memberi penekanan kepada kemahiran intelek semata-mata dalam pengajaran sajak 'Harga Remaja'. Catatan pemerhatian menunjukkan bahawa guru ini tidak berusaha untuk menerapkan kemahiran emosi, rohani dan jasmani dalam pengajarannya. Daripada temu bual yang dijalankan dengan Cikgu Rozila, beliau menjelaskan bahawa beliau tidak menitikberatkan kemahiran lain selain kemahiran intelek.

Emosi tiada sangat, kalau bahasa kita lebih banyak fokus kepada intelek dan jasmani sahaja.

(TT1G2_5/4, baris 183-188)

Menekankan kepada rumus tatabahasa.

Data temu bual pelajar menunjukkan bahawa fokus pengajaran tatabahasa guru hanya memberi penekanan kepada aspek keupayaan linguistik. Data temu bual guru

juga menunjukkan situasi yang serupa. Data menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran tatabahasa guru-guru Bahasa Melayu ini hanya berkisar tentang “membetul ayat, ejaan dan kesalahan bahasa”. Data ini menunjukkan situasi tersebut.

Penyelidik: Dalam pengajaran tatabahasa, apa yang cikgu selalu ajar?

Pelajar: Betulkan ayat, ejaan, kesalahan.

(TT1KFP2_7/4, baris 82-84)

Hal ini sangat bertentangan dengan matlamat pendidikan bahasa, iaitu menekankan pengajaran bahasa dalam konteks dan fungsi yang betul. Begitu juga dengan tujuan pengajaran tatabahasa oleh Cikgu Mimah. Catatan pemerhatian menunjukkan bahawa Cikgu Mimah memberi fokus kepada pengetahuan bahasa atau rumus ayat pasif dan ayat songsang dan mengetepikan aspek kecekapan atau penggunaan ayat-ayat tersebut dalam konteks yang sebenar. Contoh-contoh yang berikut menunjukkan bahawa guru terlalu memberi penekanan kepada rumus tatabahasa. Dalam contoh 1 misalnya, guru bersoal jawab dengan pelajar tentang perbezaan antara ayat aktif dan ayat songsang, manakala contoh 2 pula guru mengajarkan ciri-ciri ayat pasif. Dalam kedua-dua contoh pengajaran ini, jelas bahawa guru tidak mengajarkan tatabahasa dalam konteks dan fungsinya yang sebenar. Contoh 1:

Cikgu Mimah : Apakah beza ayat songsang? Bila diterbalik maknanya?

Pelajar: Sama.

Cikgu Mimah: Sama ya, sama ada predikat di depan atau subjek di depan. Ayat penyata dan ayat aktif sama. “mak makan”. “Apa mak buat?” “mak makan apa?”

Pelajar: Ayat penyata

Cikgu Mimah: Ayat penyata ataupun ayat aktif. Kemudian, disebut lagi. “Makan mak”, boleh?

Pelajar: Tidak.

Cikgu Mimah: Ok, boleh atau tidak ayat itu dipasifkan?

Pelajar: Boleh.

(CLLP2G3_7/4, Hlm. 5)

Contoh 2:

Cikgu Mimah: Ok, ” tembok besar China itu telah terbina”. Telah siap dibina ya, atau boleh cakap tembok besar itu telah siap terbina, tidak sengaja ya, telah siap tersedia ya. “Tembok besar China itu terbina oleh rakyat China ratusan tahun yang lalu”. Itu adalah ayat apa?

Pelajar: Pasif.

Cikgu Mimah: Ok, kenapa saya cakap ayat pasif? Apa tandanya, ada penggunaan ‘ter’ dan ‘oleh’. Satu lagi saya nak sentuh menggunakan perkataan dalam kata ayat pasif. Nak kenal ayat pasif, ada penggunaan ‘di’ dan ‘oleh’, ‘ter’ dan ‘oleh’ dan penggunaan ‘di’ sahaja. Ok, buku itu di sana?

(CLLP2G3_7/4, Hlm. 5)

Aspek kaedah pengajaran di bilik darjah.

Berdasarkan aspek pengajaran di bilik darjah, pengkaji dapati beberapa subtema diperoleh. Tema ini dibentuk berdasarkan kaedah ‘*provisional coding*’ (Saldana, 2009). Antara tema yang diperoleh ialah kaedah pengajaran guru, kaedah pengajaran kemahiran bahasa, kaedah pengajaran tatabahasa, pemilihan bahan pengajaran dan pembelajaran, dan kaedah penilaian pengajaran guru.

Kaedah pengajaran guru.

Data pemerhatian mendapati kaedah pengajaran guru banyak melibatkan aktiviti perbincangan secara kelas. Daripada enam pemerhatian yang melibatkan semua komponen pengajaran Bahasa Melayu, iaitu karangan, KOMSAS, rumusan dan tatabahasa, penyelidik dapati semua guru mengaplikasikan kaedah perbincangan secara kelas. Cikgu Rozila, misalnya kerap menggunakan teknik perbincangan kelas apabila mengajarkan karangan. Namun, aktiviti kumpulan ada dilaksanakan, khususnya ketika beliau mengajarkan KOMSAS. Contohnya:

Penyelidik: Tetapi teknik perbincangan (yang) pertama (hanya) dalam kelas inilah?

Pelajar: Kalau (mengajar) KOMSAS sebenarnya selalu, tetapi kalau (mengajar) karangan, (guru guna teknik) perbincangan beramai-ramailah.

Penyelidik: Tatabahasa?

Pelajar: Itu lebih cikgu bagi sendiri.

(TT1KFP2_7/4, baris 76-80)

Perbincangan secara kelas memang sering dilaksanakan oleh guru. Pelajar 4P6, misalnya menyatakan bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan, guru mereka juga mengamalkan kaedah ini. Kata mereka, antara teknik yang sering digunakan oleh guru mereka ialah “beri tajuk dan bincang secara kelas” (TT1KFP6_30/10, baris 39-44).

Cikgu Ezzah pula menjelaskan bahawa beliau jarang menggunakan teknik kumpulan kerana tidak mempunyai masa yang cukup. Lagipun katanya “saya ikut cara yang lama”, kerana beliau tidak pernah mengikuti sebarang kursus pengajaran bahasa (TT1G1_5/11, baris 168-169). Kaedah yang digunakan oleh Cikgu Ezzah ini tidak menarik minat pelajarannya kerana beliau tidak memberi peluang kepada pelajarannya untuk membincangkan isi karangan tersebut. Data temu bual yang berikut menunjukkan kaedah dan perasaan pelajar terhadap kaedah pengajaran karangan guru.

Pelajar 1: Ada dua cikgu. A dan B. Cikgu A kalau buat karangan...dia berbincang dulu. (Akan) tetapi Cikgu B tidak menggalakkan kami berfikir. Dia terus bagi isi.

Pelajar 2: Cikgu B suka bagi isi saja.

(TT1KFP4_30/10, baris 33-34)

Sebaliknya, pelajar ini mencadangkan agar mereka diberi peluang mencari isi karangan sendiri. Kata mereka, “bagi peluanglah kami bincang (men)cari isi” (TT1KFP4_30/10, baris 37-38).

Cikgu Rozila pula menggunakan kaedah perbincangan kelas bagi membincangkan maksud setiap rangkap sajak ‘Harga Remaja’ (CLLP1G2_24/3, hlm. 2). Menurut Cikgu Rozila, kaedah ini digunakan bagi memastikan pelajarinya memperoleh maklumat yang sejajar dengan skema markah dalam peperiksaan. Katanya:

Yang itu semua kena ajar. Pelajar semua kena tahu. Nanti kalau (perkara itu) tidak diambil tahu atau difahami, bagaimana (mereka) hendak menjawab soalan pemahaman.

(TT1G2_5/4, baris 78-80)

Selain Cikgu Rozila, Cikgu Hana dan Cikgu Mimah juga mengaplikasikan teknik perbincangan kelas. Cikgu Hana, misalnya menggunakan teknik perbincangan kelas ketika mengajarkan rumusan khususnya bagi mengenal pasti isi tersurat dan tersirat (CLLP1G4_30/4, hlm 3). Cikgu Hana menyatakan bahawa beliau menggunakan teknik ini bagi mengelakkan pelajar berasa bosan jika asyik menggunakan teknik kumpulan. Katanya:

Penyelidik: Pernahkah cikgu guna aktiviti kumpulan?

Cikgu: Pernah...Kalau selalu guna aktiviti kumpulan pelajar bosan juga. Nanti dia main-main sahaja kalau selalu sangat (buat) aktiviti kumpulan. Itu sebabnya saya kadang-kadang memilih aktiviti kumpulan. Kadang-kadang saya buat secara kelaslah.

(TT1G1_31/3, baris 69-79)

Selain itu, Cikgu Mimah menggunakan teknik ini bagi mengajarkan rumusan dan tatabahasa. Keseluruhannya, keenam-enam guru banyak menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kaedah yang sama, iaitu perbincangan kelas.

Kaedah pengajaran kemahiran bahasa.

Dapatan pemerhatian mendapati bahawa pengajaran kemahiran bahasa di bilik darjah dibahagi kepada tiga aspek utama, iaitu kemahiran menulis, membaca dan

tatabahasa. Kemahiran membaca pula hanya menekankan kemahiran merumus dan KOMSAS. Selain itu, guru memberi penekanan kepada pengajaran tatabahasa. Guru Panitia Bahasa Melayu, misalnya menjelaskan bahawa pengajaran bahasa itu hanya melibatkan penulisan karangan, rumusan, tatabahasa, KOMSAS dan pemahaman sejajar dengan keperluan peperiksaan SPM. Contoh:

Penyelidik: Maknanya, apabila kita cerita tentang pengajaran bahasa kita akan akan cerita pasal...

Cikgu Norehan: Karangan, rumusan, tatabahasa, pemahaman, KOMSAS, nilai-nilai murni, sebab kita kena tekankan dalam pengajaran.

(TT2GP_5/4, baris 52-55)

Dari aspek pengajaran kemahiran menulis, guru memberi fokus kepada isi dan format semata-mata. Cikgu Ezzah, misalnya menekankan kepada bilangan perkataan dalam aktiviti pengajarannya. Dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, beliau meminta pelajarnya menulis karangan yang panjangnya 350 patah perkataan (CLLP1G1_29/10, hlm. 4). Dapatan temu bual pelajar menjelaskan bahawa kaedah “bagi tajuk dan bincang untuk cari isi” ini memang sering dilaksanakan oleh guru mereka. Kata mereka:

Penyelidik: Macam mana cikgu mengajar karangan?

Pelajar 2: Dia bagi isi lepas itu kita buatlah. Selalunya cikgu bagi isi.

Penyelidik: Macam mana teknik yang cikgu gunakan ketika mengajar karangan? Pembentangan?

Pelajar 3: Pembentangan baru sekali hari itu? Selalunya dia bagi tajuk. Kami cari isi.

(TT2KFP4_30/10, baris 30-35)

Selain kemahiran menulis karangan, proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis juga melibatkan kemahiran menulis surat kiriman. Seperti kemahiran menulis karangan, guru juga memberi penekanan kepada kehendak soalan dan format penulisan. Cikgu Ezzah, misalnya hanya menekankan kepada kehendak

soalan dan format surat kiriman dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aplikasi penulisan surat kiriman dalam konteks yang sebenar tidak dilaksanakan. Katanya:

kita tekankan format...(misalnya bagaimana) format soalan kiriman tidak rasmi.

(TT1G1_5/11, baris 130-131)

Bagi kemahiran membaca pula, kemahiran ini hanya diaplikasikan dalam pengajaran rumusan dan KOMSAS. Bagi pengajaran rumusan, aktiviti membaca hanya melibatkan proses mengenal pasti isi tersurat dan tersirat. Data temu bual pelajar membuktikan bahawa guru memang memberi penekanan kepada aspek ini. Contohnya:

Penyelidik: Jannah, mengapa kita belajar rumusan karangan?

Pelajar 4: Mengenal pasti isi

Penyelidik: Isi apa?

Pelajar 4: Isi tersurat dan tersirat...

(TT1KFP1_30/10, baris 91-92)

Bagi mengenal pasti isi tersurat yang tepat dalam teks, Cikgu Mimah, misalnya menggunakan teknik ‘baca soalan dua kali’. Menurutnya, beliau akan meminta pelajarinya membaca soalan 2 kali bagi mendapatkan kehendak soalan sebelum menulis rumusan (TT1G3_30/3, baris 119-123).

Bagi pengajaran KOMSAS pula, aktiviti membaca hanya melibatkan aktiviti memahami kandungan bahan sastera seperti maksud rangkap sajak atau perkataan yang sukar, tema, pengajaran, dan nilai. Hal ini bertentangan dengan konsep penggunaan bahan sastera sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Menurut Awang Sariyan (2011), matlamat pengajaran KOMSAS adalah bagi memberi peluang kepada pelajar untuk menghayati bahan sastera dan bukan semata-mata untuk menguasai kandungan bahan sastera tersebut. Namun, dalam kajian ini, matlamat pengajaran KOMSAS terpesong kerana guru mengamalkan pendekatan pengajaran KOMSAS sebagai mata pelajaran dan bukannya sebagai bahan sastera yang

menyokong kemahiran berbahasa. Cikgu Rozila, misalnya memberikan penekanan kepada aspek kandungan sajak dalam pengajarannya. Pendekatan ini jelas dilaksanakan apabila beliau membahagikan tugas kepada pelajarnya berdasarkan lima tugas utama, iaitu maksud rangkap, tema dan persoalan, gaya bahasa, nilai murni, dan pengajaran (CLLP1G2_24/3, hlm. 5)

Kaedah pengajaran tatabahasa.

Dalam catatan pemerhatian, penyelidik mendapati kedua-dua guru, iaitu Cikgu Rozila dan Cikgu Mimah memberi penekanan kepada rumus tatabahasa. Cikgu Rozila, misalnya menjelaskan dengan panjang lebar tentang ciri ayat pasif dan ayat songsang serta latihan menukarkan kedua-dua ayat tersebut. Catatan lapangan juga mendapati guru ini tidak memberi penekanan terhadap aspek kecekapan penggunaan ayat-ayat tersebut dalam konteks yang sebenar (CLLP1G2_15/4, hlm. 3). Cikgu Mimah juga memberi penekanan utama terhadap rumus ayat pasif dan ayat songsang. Catatan lapangan menunjukkan hampir semua fasa pengajaran beliau berkisar tentang rumus ayat pasif seperti tanda ayat pasif, maksud ayat dan beza antara ayat-ayat tersebut.

Contohnya:

Contoh 1 (Tanda ayat pasif):

Cikgu Mimah: *Ok, apa tanda ayat pasif? Macam orang demamlah (tandanya) panas badan (dan) makan tidak larat. Ok, sekarang apakah tanda ayat pasif yang awak tahu?*

(CLLP2G3_7/4, hlm. 2)

Contoh 2 (tanda ayat pasif):

Cikgu Mimah: *Apa yang ada di hadapannya?*
Pelajar: *Objek.*

(CLLP2G3_7/4, hlm. 2)

Contoh 3 ('Maksud ayat songsang'):

Cikgu Mimah: *Ok, ayat songsang. Apa maksud (ayat) songsang ini?*

Pelajar: *Ayat terbalik.*
Cikgu Mimah: *Haa..ayat terbalik ya. Apa yang diterbalikannya?*
Pelajar: *Objek.*
Cikgu Mimah: *Ya, ayat songsang ini mesti ada subjek dan juga predikat. Predikat mesti di mana?*
Pelajar: *Di depan.*
Cikgu Mimah: *Ya. Predikat mesti di depan. Diikuti 'oleh'?*
Pelajar: *Subjek.*

(CLLP2G3_7/4, hlm. 3)

Dalam aspek penyampaian pengajaran pula, kedua-dua guru (Cikgu Rozila dan Cikgu Mimah) mengaplikasikan pendekatan deduktif sepenuhnya. Cikgu Rozila misalnya, memulakan pengajaran dengan meminta pelajaranya mengecam ayat pasif dan ayat aktif yang terdapat dalam teks berdasarkan penanda ayat tersebut. Setelah menemui ayat-ayat tersebut, guru menjelaskan sendiri ayat-ayat tersebut. Katanya:

Ok, saya hendak terangkan contoh ayat pasif dan ayat aktif.

(CLLP2G2_15/4, hlm. 4)

Begitu juga dengan Cikgu Mimah. Beliau juga menggunakan pendekatan deduktif bagi menerangkan rumus ayat songsang. Namun, beliau menggunakan teknik menyoal dalam penyampaian pengajarannya. Contohnya:

Ayat pasif mesti ada tanda. Apa(kah) tanda(nya)? Senang saja. (Saya) bagi (awak) formula. Kalau awak ubah perkataan itu, maknanya tidak lari, itu ayat songsang. (Akan tetapi) Kalau awak tukar, maknanya lari, itu bukan ayat songsang. Dia akan digantikan dengan ayat pasif.

(CLLP2G2_15/4, hlm. 3)

Menyentuh aspek pengajaran tatabahasa pula, Cikgu Rozila, misalnya menjelaskan bahawa beliau memberi fokus kepada kemahiran membina dan membetulkan ayat, khususnya dari aspek ejaan dan imbuhan. Katanya:

Bahagian A membina ayat. Jadi, kita kena ajar pelajar (cara) membina ayat. Yang kedua, kesalahan ejaan dan imbuhan. Kemudian bagi latihan mencari ayat yang salah, ejaan dan sebagainya. Bagi imbuhan, dia baca dan betulkan mana-mana ayat yang gunakan imbuhan yang salah.

(TT1G2_5/4, baris 147-151)

Kaedah pengajaran yang sering dijalankan oleh Cikgu Rozila ini diakui oleh pelajarnya (4P2). Mereka juga menyatakan bahawa Cikgu Rozila sering mengamalkan teknik ‘bina ayat’ dan ‘betulkan ejaan dan kesalahan ayat’ dan menggunakan buku rujukan sebagai bahan bantu mengajar yang utama. Kata mereka:

Penyelidik: Dalam pengajaran tatabahasa, apa yang cikgu selalu ajar?

Pelajar 5: Betulkan ayat, ejaan, kesalahan.

Penyelidik: Selalunya, ok, ejaan, kesalahan ayat, cikgu ambil daripada mana-mana contoh ayat?

Pelajar 5: Cikgu ada buku rujukan dia sendiri. Cikgu akan sediakan buku rujukan. Dan dalam (pada) itu, kami akan buat dan kemudian cikgu akan betulkan kesalahan (kami).

(TT1KFP2_7/4, baris 81-84)

Amalan pengajaran tatabahasa ini disokong oleh guru panitia Bahasa Melayu. Menurut beliau, fokus pengajaran tatabahasa adalah untuk “membina dan membetulkan kesalahan ayat” (TT1GP_6/11, baris 96-98) dan diajar secara terpisah dengan kemahiran bahasa yang lain. Kesimpulannya, kaedah pengajaran tatabahasa yang dijalankan oleh guru memberi fokus kepada rumusan tatabahasa dan aktiviti membina dan membetulkan ayat sebagaimana yang dituntut oleh peperiksaan.

Buku rujukan sebagai sumber rujukan utama.

Catatan pemerhatian menunjukkan bahawa antara bahan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru secara kerap ialah buku rujukan atau buku kerja. Dalam pengajaran karangan misalnya, cikgu Ezzah menggunakan buku rujukan sebagai sumber tajuk karangannya. Data temu bual menjelaskan bahawa beliau mengambil soalan yang terdapat dalam buku rujukan sebagai bahan pembelajarannya. Contohnya:

Penyelidik: Tema karangankan, cikgu ambil daripada mana?

Cikgu Ezzah: Tema karangan...pembahagian tajukla..saya ambil daripada soalan (lepas).

Dalam pengajaran KOMSAS pula, guru bergantung sepenuhnya terhadap teks yang dibekalkan oleh kementerian dan buku rujukan semata-mata. Data pemerhatian menunjukkan bahawa guru menggunakan sajak 'Harga Remaja' yang juga merupakan teks wajib Tingkatan Empat sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Cikgu Rozila menyatakan bahawa beliau menggunakan bahan ini sepenuhnya kerana sukatan menetapkannya sebagai teks yang mesti diajar dan beliau "tidak boleh mengajar teks atau sajak lain" (TT1G2_5/4, baris 104-108). Tambahan pula, beliau menegaskan bahawa adalah sukar untuk membina bahan pengajaran kerana terpaksa berkorban masa dan wang ringgit. Cikgu Rozila menyatakan bahawa:

Tetapi kalau hendak buat keratan akhbar, kalau di sekolah, kitalah yang sediakan. Pelajar pun masalah juga. Pelajar pun ramai yang duduk di kawasan luar bandar, estet, tidak ada bahan bacaan. Lainlah kalau duduk di bandar, yang 'educated', ada bahan di rumah.

(TT1G2_5/4, baris 179-182)

Akan tetapi, pelajarnya (4P2) mencadangkan agar guru menggunakan bahan yang menarik, autentik dan menolak amalan kebergantungan terhadap buku teks dan buku rujukan semata-mata.

Penyelidik: Anda suka atau tidak kalau kita gunakan bahan-bahan macam ini, misalnya, dari perbualan, gambar yang menunjukkan orang berbual, bukan daripada teks sahajakan.

Pelajar P2: Suka.

(TT1KFP2_7/4, baris 106-108)

Data temu bual Cikgu Mimah juga menjelaskan bahawa bahan rujukan utama semasa mengajar ialah buku teks dan buku rujukan. Beliau menyatakan:

Sumber daripada teks. Memang sudah ada daripada sini kita ambil dan kita bincang itu saja.

(TT1G3_30/3, baris 167-168)

Data pemerhatian juga menunjukkan bahawa guru menggunakan buku rujukan sebagai bahan bacaan utama untuk mengajarkan rumusan. Cikgu Mimah dan Cikgu Hana, misalnya menggunakan buku rujukan ‘*1 NE Target Bahasa Melayu Tingkatan 4*’ sebagai sumber bacaan untuk mengajar penulisan rumusan. Data temu bual pelajar Cikgu Mimah (4P5) juga menunjukkan bahawa Cikgu Mimah memang menggunakan buku teks sebagai sumber utama bahan pembelajaran. Kata mereka:

Penyelidik: Kalau tatabahasa apa bahan yang cikgu gunakan zambrus?

Zambrus: Buku latihan.

(TT1KFP5_30/3, baris 123-124)

Menurut Cikgu Mimah, beliau menggunakan buku rujukan ini kerana “ditetapkan oleh pihak sekolah” (TT1G3_30/3, baris 168-173). Begitu juga dengan Cikgu Hana. Beliau juga menggunakan bahan ini walaupun menyedari bahawa pelajarannya lebih menggemari bahan bacaan lain seperti berita dan keratan akhbar (TT1G4_31/3, baris 117-110). Beliau menyatakan bahawa beliau tidak pernah menggunakan bahan audio visual atau bahan grafik dalam pengajaran rumusan kerana kesuntukan masa atau kluatir bahan tersebut tidak mempunyai maklumat isi tersurat yang mencukupi (TT1G4_31/3, baris 128-133).

Dapatan pemerhatian juga menunjukkan guru menggunakan buku rujukan dan pengetahuan sendiri sebagai bahan pengajaran tatabahasa. Cikgu Mimah, misalnya mengatakan bahawa beliau menggunakan buku rujukan dan kadang-kadang ayatnya sendiri sebagai bahan pembelajaran tatabahasa. Katanya:

Penyelidik: Cikgu, selalunya ketika mengajar tatabahasa, daripada mana cikgu ambil contoh-contoh ayat untuk tujuan penerangan dan latihan?

Cikgu Mimah: Selalunya contoh ayat tu saya petik daripada buku teks dan buku tatabahasa. Ada juga ayat yang saya bina sendiri.

(TT2G3_3/4, baris 88-89)

Dari aspek kesesuaian bahan pembelajaran, guru berpendapat teks sastra sesuai dengan usia remaja. Kata Cikgu Rozila

Cikgu Rozila Ada. Saya rasa sesuai dengan pelajar Tingkatan Empat.

Penyelidik: Sajak yang digunakan, adakah sesuai dengan pelajar-pelajar? Tidak terlampau tinggi?

Cikgu Rozila: Saya rasa memang sesuai sebab mereka remaja. Apabila kita ajar sajak jadi kita dapat mendalami (perasaan mereka). Mereka lebih faham apa yang mereka alami. Macam kita, (tetapi) sudah lepaskan.

(TT1G2_5/4, baris 215-220)

Namun pelajar berpendapat bahasa dalam cerpen tersebut kurang sesuai. Pelajar juga menyatakan bahawa kebanyakan contoh ayat tidak bersumberkan penggunaan bahasa yang sebenar. Kebanyakan contoh ayat yang digunakan oleh guru untuk pengajaran tatabahasa dipetik daripada buku rujukan semata-mata. Kenyataan pelajar menggambarkan keadaan yang berikut:

Penyelidik: Selalunya, ok, ejaan, kesalahan ayat, cikgu ambil daripada mana contoh-contoh ayat ?

Hanis: Cikgu ada buku rujukan dia sendiri. Cikgu akan sediakan buku rujukan. Dan dalam tu kami akan buat dan kemudian cikgu akan betulkan kesalahan.

(TT1KFP2_7/4, baris 83-86)

Kaedah penilaian di bilik darjah.

Dapatan mendapati, penilaian yang dijalankan oleh guru hanya memberi penekanan kepada hasil dan tidak memberi fokus kepada proses pembelajaran. Kenyataan pelajar 4P2, misalnya menunjukkan cara Cikgu Rozila menilai kemahiran menulis.

- Penyelidik: Macam mana cikgu menilai hasil kerja karangan anda?*
- Pelajar 2: Hantar, cikgu tanda selepas itu, pulang balik. Kita boleh tengoklah kelemahan kita.*
- Penyelidik: Cikgu tengok isi saja, cikgu tidak tengok (yang) lain?*
- Pelajar 2: Yalah, sebab baru lagikan. Banyak aktiviti.*
(TT1KFP2_7/4, baris 299-312)

Selain itu, penilaian guru juga hanya memberi fokus kepada format dan skema pemarkahan yang disediakan oleh pihak kementerian sahaja. Cikgu Ezzah, misalnya menyatakan bahawa beliau memeriksa tugas pelajar berdasarkan skema yang ditetapkan.

- Penyelidik: Sewaktu cikgu buat ujian (untuk) menilai kerja pelajar, bagaimana cikgu lakukan?*
- Cikgu Ezzah: Ikut format dan skemalahkan...pemarkahannyalahkan.*
(TT1G1_5/11, baris 141-142)

Begitu juga dengan penilaian pengajaran tatabahasa. Dapatan temu bual pelajar menunjukkan bahawa penilaian guru hanya melibatkan kemampuan pelajar membina dan membetulkan kesalahan tatabahasa. Kata mereka, selalunya guru akan “tanda dan betulkan” kesalahan bahasa tersebut, dan kalau ada kesalahan guru akan “panggil dan beritahu kesalahan” tersebut (TT2KFP5_30/4, baris 208-209). Kenyataan yang berikut juga menunjukkan bahawa penilaian pengajaran guru hanya bersifat latihan atau latih tubi. Kenyataan ini juga tidak memperlihatkan adanya penilaian terhadap kebolehan pelajar menggunakan tatabahasa dalam konteks yang natural. Contohnya:

- Penyelidik: Bagaimana penilaian (pengajaran) tatabahasa dalam bilik darjah?*
- Pelajar 3: Cikgu suruh bina ayat macam itulah..*
- Penyelidik: Bina ayat. Bila cikgu tanda? (Cikgu) suruh tulis di papan putih atau terus dalam buku?*
- Pelajar 3: Emm, atas ‘whiteboard’.*
- Penyelidik: Kemudian nilai, bincang sama-sama.*
- Pelajar 3: Bincang sama-sama.*
(TT1KFP5_30/3, baris 305-311)

Rumusan dan Implikasi kepada Pengajaran Bahasa Melayu

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa amalan pengajaran guru Bahasa Melayu di bilik Tingkatan Empat adalah seperti yang berikut:

- a. Guru-guru Bahasa Melayu di sekolah ini tidak memahami sepenuhnya matlamat, objektif dan konsep pendekatan pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu.
- b. Guru-guru Bahasa Melayu mengamalkan pendekatan fragmentasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Data pemerhatian dan temu bual serta bukti dokumen menunjukkan bahawa setiap aspek kemahiran bahasa diajar secara terpisah dan tidak berkaitan antara satu kemahiran dengan kemahiran yang lain.
- c. Guru-guru mendominasi aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan pelajar berperanan sebagai penerima pasif sahaja. Dapatan menunjukkan bahawa proses penyampaian mesej dikuasai sepenuhnya oleh guru.
- d. Proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah terlalu didorong oleh usaha-usaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran, khususnya bagi pelajaran KOMSAS hingga menyebabkan guru tidak berkesempatan untuk mengajarkan kemahiran bahasa berdasarkan matlamat yang dinyatakan dalam sukatan pelajaran.
- e. Hampir semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran memberi penekanan kepada keperluan menjawab soalan peperiksaan walaupun pelajar yang terlibat masih berada dalam Tingkatan Empat.
- f. Proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan dan rumusan memberi penekanan kepada bilangan isi dan bilangan patah perkataan yang

mencukupi. Penulisan kreatif dan kemahiran membaca tidak diberi penekanan walaupun kemahiran tersebut ditekankan dalam sukatan pelajaran BM.

- g. Proses pengajaran dan pembelajaran guru-guru BM memberi keutamaan kepada kemahiran menulis seperti kemahiran menulis karangan, surat kiriman, rumusan dan latihan menulis ayat. Kemahiran membaca, mendengar dan bertutur tidak diberi perhatian yang sewajarnya.
- h. Kesemua aktiviti pengajaran dan pembelajaran menekankan kepada kemahiran kognitif sahaja. Kemahiran emosi, rohani dan jasmani tidak beri pertimbangan yang sewajar dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- i. Proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa oleh guru-guru terlalu menekankan kepada rumus tatabahasa semata-mata dan mengabaikan kecekapan penggunaan tatabahasa tersebut dalam konteks dan fungsi yang tepat dan alamiah.
- j. Kaedah penyampaian guru lebih bertumpu kepada perbincangan secara kelas, khususnya bagi pengajaran karangan dan tatabahasa. Kaedah kumpulan amat jarang dilaksanakan.
- k. Pengajaran kemahiran bahasa yang dijalankan di sekolah ini dibahagi kepada tiga aspek utama, iaitu kemahiran menulis, membaca dan tatabahasa. Kemahiran menulis melibatkan aktiviti penulisan karangan dan surat kiriman. Kemahiran membaca pula hanya menekankan kemahiran merumus dan KOMSAS. Aspek pengajaran kemahiran menulis hanya memberi fokus kepada isi dan format. Aspek pengajaran membaca hanya melibatkan proses mengenal pasti isi tersurat dan tersirat. Aspek pengajaran KOMSAS pula hanya melibatkan aktiviti memahami kandungan bahan sastera seperti maksud rangkap sajak atau perkataan yang sukar, tema, pengajaran, dan nilai.

- l. Kaedah pengajaran tatabahasa hanya memberi penekanan kepada rumus tatabahasa dan tidak memberi penekanan terhadap aspek kecekapan penggunaan ayat-ayat tersebut dalam konteks yang alamiah dan fungsi yang tepat.
- m. Aspek pengajaran tatabahasa hanya memberi penekanan kepada kemahiran membina dan membetulkan ayat, khususnya dari aspek ejaan dan imbuhan.
- n. Buku rujukan menjadi sumber atau bahan pengajaran dan pembelajaran yang utama kerana hampir semua bahan pembelajaran guru, sama ada untuk pengajaran karangan, surat kiriman, rumusan, KOMSAS dan tatabahasa menggunakan buku rujukan sebagai bahan rujukan utama. Bahan bantu mengajar yang bersifat autentik seperti akhbar, bahan berita dan sebagainya jarang digunakan oleh guru.
- o. Penilaian berterusan tidak dilaksanakan secara berleluasa. Penilaian guru hanya melibatkan usaha mengumpul buku dan menanda tugas tersebut.